


KENYATAAN PERMOHONAN MENGEMUKAKAN CADANGAN ("RFP")

Kerajaan Malaysia telah melantik Malaysia Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (dahulu dikenali sebagai Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd) sebagai pemaju projek dan pemilik aset yang akan melaksanakan dan menyiapkan sepenuhnya satu sistem rel metro yang dikenali sebagai **PROJEK RAPID TRANSIT ALIRAN RINGAN (LRT) PULAU PINANG - LALUAN MUTIARA (PML)**. MRT Corp melalui anak syarikatnya **MRT Mutiara Sdn Bhd (MRTM)**, akan melaksanakan Projek PML sepenuhnya.

MRTM mempelawa bakal Pembida yang berpotensi untuk mengambil bahagian di dalam RFP bagi perkhidmatan perundingan yang dinyatakan dalam jadual di bawah.

TAJUK RFP DAN NOMBOR RFP	SYARAT-SYARAT PENDAFTARAN	HARGA DOKUMEN RFP	TAKLIMAT RFP
<p>PROJEK RAPID TRANSIT ALIRAN RINGAN (LRT) PULAU PINANG - LALUAN MUTIARA (PML)</p> <p>REQUEST FOR PROPOSAL FOR THE APPOINTMENT OF CLAIMS CONSULTANT</p> <p>RFP NO.: PML-MRTC-GENE-OVPR-RFP-000014</p>	<p>Memiliki perakuan pendaftaran syarikat dengan dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)</p>	<p>RM500.00 (Ringgit Malaysia Lima Ratus Sahaja)</p> <p>dalam bentuk Deraf Bank / Cek Jurubank / Bayaran Secara Dalam Talian</p> <p>Pembayaran kepada:- MRT Mutiara Sdn Bhd (202401019008 (1564857-T))</p>	<p>Tarikh : Khamis, 13 November 2025 Masa : 10.00 pagi Platform : Aplikasi Zoom (Dalam Talian)</p> <p>Semua Pembida dikehendaki membuat pra-pendaftaran secara dalam talian untuk menyertai Taklimat RFP melalui salah satu pautan yang disediakan di bawah:</p> <ol style="list-style-type: none">Laman web MRT Corp: www.mymrt.com.my;https://forms.gle/QT3YzeusmkYD5Dc4A ;Imbas Kod QR yang disediakan.  <p>Pra-pendaftaran bagi Taklimat RFP akan dibuka dari 5 November 2025 hingga 11 November 2025. Hanya Pembida yang telah berdaftar akan menerima ID mesyuarat dan pautan Zoom untuk menghadiri taklimat secara dalam talian.</p>

Pembida mestilah memenuhi syarat-syarat **MANDATORI** seperti berikut untuk menyertai Tender ini:

KEPERLUAN KEUPAYAAN TEKNIKAL	KEPERLUAN KAPASITI KEWANGAN
<p>Pembida pernah dilantik sebagai Perunding Perkhidmatan Kontrak dan Tuntutan bagi pelaksanaan projek sistem kereta api di Malaysia atau antarabangsa sepanjang lima belas (15) tahun yang lalu.</p>	<ol style="list-style-type: none">Dana Pemegang Saham (berdasarkan tahun kewangan terkini) mestilah positif.EBITDA terkumpul sepanjang 5 tahun sebelumnya mestilah positif.

Dokumen RFP boleh dibeli mulai **14 November 2025 sehingga 21 November 2025** di pejabat seperti yang tertera di bawah:

TEMPAT JUALAN DAN PENYERAHAN DOKUMEN RFP	WAKTU OPERASI KAUNTER TENDER
<p>MRT MUTIARA SDN BHD Jabatan Perolehan (Kaunter Tender) Tingkat 6, Menara I&P 1, No. 46, Jalan Dungun, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur, Malaysia</p>	<p>Isnin hingga Khamis : 9:00 pagi – 12:30 tengahari dan 2:00 petang – 5:00 petang Jumaat : 9:00 pagi – 12:00 tengahari dan 3:00 petang – 5:00 petang</p>

Pembida boleh membeli dokumen RFP secara elektronik dengan menghubungi MRTM melalui email procurement.mtl@mymrt.com.my

Tarikh serahan dokumen RFP adalah pada **Selasa, 2 Disember 2025 tidak lewat dari jam 12:00 tengahari**. Sebarang kelewatan didalam penyerahan dokumen RFP tidak akan diterima.

Nota:

- Sebarang pertanyaan berhubung dengan tender ini hendaklah dibuat secara bertulis melalui e-mail ke procurement.mtl@mymrt.com.my.
- MRTM berhak untuk menerima atau menolak mana-mana permohonan, meminta penjelasan selanjutnya dari mana-mana Pembida serta membatalkan proses tender ini dan menolak kesemua permohonan pada bila-bila masa tanpa menyatakan apa-apa sebab. MRTM tidak akan menanggung sebarang liabiliti dari segala segi terhadap Pembida yang terlibat atau menyatakan sebab keputusan tersebut dibuat.